

23/01/1998

Elak guna dolar dalam urus niaga (HL)

Mokhtar Alias; Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan tindakan syarikat tempatan mengenakan bayaran dalam dolar Amerika kepada pelanggan mereka secara berterusan, boleh memberi masalah kepada negara.

Menurut Perdana Menteri, sikap peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata itu boleh menyebabkan nilai ringgit terus jatuh dan lama-kelamaan rakyat terpaksa menggunakan mata wang asing dalam semua urus niaga.

"Pada masa itu kita akan menghadapi masalah yang amat besar," katanya kepada pemberita selepas melawat studio baru firma penerbitan program televisyen, HVD Entertainment Bhd, di Cheras hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan sesetengah syarikat pembekal tempatan yang enggan menerima bayaran dalam ringgit sebaliknya memberi invois kepada pembeli tempatan dalam nilai dolar.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab pembekal tempatan hendak mengenakan bayaran dolar bagi urus niaga dalam negara sedangkan ringgit jelas termaktub dalam undang-undang negara sebagai mata wang yang sah diperlakukan.

"Sekiranya pembekal berkenaan mahukan dolar Amerika, mereka boleh menukarkan ringgit dalam mata wang negara itu mengikut nilai tukaran semasa," katanya.

Bank Negara semalam mengeluarkan kenyataan menjelaskan bayaran yang dibuat antara rakyat negara ini mesti dalam ringgit dan tidak dalam mata wang asing.

Jurucakap bank itu berkata, mengikut Akta kawalan Tukaran Wang 1953 dan Notis Kawalan Tukaran Wang, ECM 4, negara ini mesti dibuat dalam ringgit.

Mengenai kemungkinan syarikat pembekal enggan membekalkan barangan sekiranya bayaran dibuat dalam ringgit, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu orang ramai menggunakan dolar secara meluas tanpa sebab munasabah.

"Jika mereka hendak ke luar negara dan memerlukan dolar, tidak mengapalah kalau ringgit ditukar kepada dolar. Tetapi jika untuk kegunaan dalam negeri saya tidak nampak sebab mengapa hendak menggunakan dolar dan tidak mahu menerima ringgit," katanya.

Perdana Menteri turut diminta mengulas serangan terhadap ekonomi yang kini bertukar kepada tekanan kepada kepemimpinan sesebuah negara seperti yang dialami Indonesia pada masa ini.

Mata wang negara itu kini tertekan selepas Suharto mengumumkan kesediaannya dipilih semula sebagai presiden republik itu bagi penggal ketujuh, kelmarin.

(END)